

PROGRAM LIVE WITH COUNSELLOR: SIRI 3/2022 : ASSERTIVE: KNOW WHEN TO SAY NO!





Pada 13 Oktober 2022 yang lalu, Pusat Kerjaya dan Kaunseling telah menganjurkan Program Live With Counsellor yang membincangkan topik "Assertive: Know When To Say No!".

Dalam perbincangan kaunseling, kelakuan asertif ialah "kita melahirkan perasaan dan tindakan kita secara jujur, berterus terang dan ikhlas tanpa mencabuli batas-batas hak orang lain.

Pihak Pusat Kerjaya dan Kaunseling telah menjemput 2 panel bagi mengupas topik ini iaitu Puan Farah Farhanah Abdul Aziz, Pegawai Psikologi UiTM Sungai Buloh dan Saudari Nurul Izzah Zulkifle, Majlis Perwakilan Pelajar, UiTM Shah Alam.

Program ini telah disertai seramai 522 orang dari medium Facebook dan Youtube.

PROGRAM LIVE WITH COUNSELLOR: SIRI 4/2022: I NEVER KNEW I HAD A CHANCE



Pusat Kerjaya dan Kaunseling telah menganjurkan Program Live With Counsellor pada 20 Oktober 2022 bersama panel jemputan iaitu Encik Nasrullah Zainal Abidin, Pegawai Psikologi UiTM Rembau dan Moderator Saudari Nurul Syafiqah Zamree.

Topik yang bertajuk "I Never Knew I Had A Chance" adalah salah satu topik yang berat dan serius iaitu tentang isu penamatan diri.

Topik ini memberi pendedahan bahawa walaupun seseorang individu itu bertindak melakukan penamatan diri atas beberapa faktor, ini adalah kemungkinan kerana itu sahaja pilihan yang boleh difikirkan ketika itu dan bagaimana orang sekeliling dapat membantu dan menyedari mereka yang memerlukan pertolongan ini.

Seramai 411 orang telah menyertai program ini melalui medium Facebook dan Youtube.

PROGRAM LIVE WITH COUNSELLOR: SIRI 5/2022: NARSISISTIK: PERSONALITI ATAU PENYAKIT HATI



Narsisistik sering digambarkan kepada seseorang yang bersifat pentingkan diri dan suka memberikan perkara yang tidak menyenangkan kepada orang di sekelilingnya. Namun adakah narsisistik ini berkaitan dengan personaliti atau ianya memang sejenis penyakit hati.

Pada 27 Oktober yang lepas, Pusat Kerjaya dan Kaunseling telah menganjurkan Program Live With Counsellor bagi membincangkan topik Narsisistik ini. Panel jemputan bagi program ini adalah Puan Sharinah Abdul Hanif, Pegawai Psikologi Jabatan Perkhidmatan Awam dan Ustaz Abdul Mutalib Jamil, Penolong Pendaftar Bahagian Hal Ehwal Islam UiTM serta Puan Ts. Nurul Aishah Ab Rahman, Pensyarah Kolej Pengajian Pengkomputeran, Informatik dan Media sebagai moderator program. Seramai 729 orang telah menyertai program ini secara atas talian di medium Facebook dan Youtube.



PUSAT KERJAYA DAN KAUNSELING

Bahagian Hal Ehwal Pelajar
Aras 5, Kompleks Budisiswa
Universiti Teknologi MARA
Shah Alam

 03 - 5544 2630/2379/3211/3496

 pkk@uitm.edu.my